



04 JUN, 2021

FAMA Melaka bantu pasarkan 10 tan tembikai dari Terengganu

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA Melaka bantu pasarkan 10 tan tembikai dari Terengganu

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) Melaka membantu memasarkan kira-kira 10 tan metrik tembikai dari Terengganu bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan terbabit.

Ahli Lembaga FAMA Datuk Ghazale Muhamad berkata, inisiatif dengan kerjasama daripada FAMA Terengganu dilakukan sejak minggu lepas berikutnya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dikuatkuasakan pada 1 Jun.

“Kesemua buah-buahan tembikai ini akan dipasarkan di outlet-outlet FAMA antaranya Pasar Segar Terkalau (PST), Agrobaazaar Rak-yat, Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) dan sebagainya.

“Buah tembikai ini akan dijual dengan harga RM0.80

sekilogram dan ini antara usaha yang dilakukan FAMA Melaka untuk membantu para petani yang terkesan,” katanya kepada pemberita selepas meninjau tempat ambilan pandu lalu PST di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Rim di sini semalam.

Dalam pada itu, Ghazale berkata, para petani di negeri ini yang berdepan dengan masalah untuk memasarkan hasil pertanian atau lambakan boleh membuat aduan secara terus di Bilik Gerakan pusat pengurusan krisis (CMC) FAMA Melaka.

Beliau berkata, pihaknya bersedia membeli hasil-hasil pertanian untuk dipasarkan sekali gus memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi bagi keperluan pengguna.

Dalam pada itu, FAMA Melaka bercadang untuk menambah lokasi pusat ambilan pandu lalu PST disetiap daerah bagi memudahkan pengguna hadir mengambil tempahan yang dibuat secara dalam talian.

“Kita akan melihat beberapa lokasi strategik untuk memudahkan para pengguna di negeri ini berikutnya sambutan menggalakkan daripada masyarakat di samping membantu petani memasarkan barang seger mereka.

“Pembeli boleh membuat pesanan dan pembayaran dalam talian sebelum mengambil tempahan pada keesokannya di pusat kutipan ditetapkan iaitu di PST Agrobaazaar Ayer Keroh atau PST Japerun Rim secara pandu lalu,” katanya.
— Bernama



04 JUN, 2021

FAMA Melaka bantu pasarkan 10 tan tembikai dari Terengganu

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) Melaka membantu memasarkan kira-kira 10 tan metrik tembikai dari Terengganu bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan terbabit. Ahli Lembaga FAMA Datuk Ghazale Muhamad berkata, inisiatif dengan kerjasama daripada FAMA Terengganu dilakukan sejak minggu lepas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dikuatkuasakan pada 1 jun .